

Graduan bertuah CER-SAP

Kuala Lumpur: Tuah bagi 65 graduan yang terpilih mengikuti kursus program sijil profesional, Certified ERP Specialist-SAP Technology (CER-SAP) untuk Minyak dan Gas yang julung kali diperkenalkan kepada pelajar tahun akhir apabila majoritinya sudah mendapat pekerjaan.

Graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhammad Ikhwan Zulkifli, 22, (**gambar**) berkata, kejayaan memperoleh sijil berkenaan membolehkannya mendapat tawaran pekerjaan dengan gaji lumayan.

“Walaupun bukan mudah untuk terpilih mengikuti program itu kerana perlu melepasi tiga tahap saringan, namun ia berbaloi dengan usaha gigih saya dan rakan-rakan yang terpilih.

“Syukur kerana selepas enam bulan kursus berkenaan, saya ditawarkan bekerja di syarikat minyak dan gas terkemuka sebagai perunding SAP dan memperoleh pendapatan lebih RM3,000 sebulan,” katanya yang memegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Pengkompoteran Industri).

Bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian Universiti Putra Malaysia (UPM) Faslina Habeeb, 26, peluang me-

ngikuti kursus berkenaan tidak dilepaskan begitu saja malah menjadi batu loncatan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang pekerjaan.

“Apa yang penting, sebagai pelajar kita perlu mengejar peluang untuk mengoptimumkan keupayaan diri dan kita perlu pastikan apa yang kita hendak capai selepas tamat pengajian, barulah peluang itu datang kepada kita,” katanya yang kini sudah bekerja di syarikat multinasional menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat.

Mereka ditemui selepas Majlis Konvokesyen Tamat Kursus CER-SAP di sini, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan.

Terdahulu Kamalanathan ketika ucapannya berkata, pelajar lepasan universiti tidak harus ber-

gantung kepada kelulusan akademik saja sebaliknya perlu mendapatkan sijil profesional yang dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing.

Katanya, kementerian menyedari keperluan dan tuntutan pasaran kerja dan amat fokus kepada usaha memastikan pelajar bukan saja berwibawa untuk bersaing di pasaran tempatan dan global yang kompetitif.

